

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID  
[ HULU TERENGGANU ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

**DATO' ROSOL BIN WAHID [ HULU TERENGGANU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas individu yang menghina Jalur Gemilang iaitu dengan memasang dan memuat naik gambar jalur putih kepada warna hitam; dan memasangnya secara terbalik dengan sengaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Jalur Gemilang adalah simbol dan identiti penting Persekutuan Malaysia. Ia mempunyai nilai dan darjah yang melambangkan kedaulatan, kemerdekaan dan kebebasan negara. Oleh itu, sebarang penghinaan ke atas Jalur Gemilang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab amatlah tidak wajar dan perbuatan tersebut boleh membangkitkan kemarahan rakyat Malaysia apatah lagi jika dilakukan oleh segelintir warganegara Malaysia sendiri. Oleh itu, Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang sengaja menghina Jalur Gemilang termasuklah dengan memasang secara terbalik dengan sengaja dengan mengambil kira aspek kepentingan negara dan ketenteraman awam secara keseluruhan berlandaskan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

Isu penghinaan Jalur Gemilang boleh disiasat di bawah Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan, Seksyen 233 Akta Komunikasi & Multimedia 1998 yang memperuntukkan kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan Seksyen 14, Akta Kesalahan Kecil iaitu kelakuan yang menghina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis DiRaja Malaysia telah menerima sebanyak 69 laporan berhubung isu penghinaan Jalur Gemilang, dan 9 kertas siasatan telah pun dibuka. Kes-kes tersebut masih di dalam siasatan dan semua kertas siasatan akan dirujuk ke Pejabat Peguam Negara dalam masa terdekat.